



IOI PROPERTIES

IOI PROPERTIES GROUP BERHAD
201301005964 (1035807-A)

POLISI ANTI-RASUAH DAN ANTI-KORUPSI

Tarikh: 07 Oktober 2025 (Semakan 2.0)
Diluluskan oleh: Lembaga Pengarah

KANDUNGAN

1.	AMANAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	1
2.	DEFINISI	2
3.	PENGENALAN	4
4.	HADIAH DAN LAYANAN	5
5.	SUMBANGAN DAN TAJAAN	6
6.	BAYARAN MEMPERMUDAHKAN	7
7.	BERURUSAN DENGAN RAKAN PERNIAGAAN	8
8.	BERURUSAN DENGAN PEGAWAI AWAM	9
9.	KONFLIK KEPENTINGAN	10
10.	GANJARAN PERNIAGAAN, REBAT, KOMISEN ATAU INSENTIF LAIN	10
11.	APA TINDAKAN ANDA JIKA ADA PERTANYAAN ATAU KEBIMBANGAN?	10
12.	SEMAKAN, PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN	11
13.	LATIHAN DAN KOMUNIKASI	11
14.	TANGGUNGJAWAB PEKERJA	12
15.	SEMAKAN	12

Lampiran A – Ikrar Integriti

1. AMANAT KUMPULAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kami *DIPERCAYAI* menjalankan perniagaan dengan penuh integriti, tanpanya tiada apa yang bermakna

IOI Properties GROUP Berhad dan anak syarikatnya (“**IOIPG**”) amat percaya tentang pentingnya untuk mengekalkan budaya kerja yang penuh etika dan berintegriti. Kami komited untuk mewujudkan suasana perniagaan yang adil, telus serta bebas rasuah dan korupsi.

Kami beroperasi dalam suasana ekonomi global yang mana rasuah dan korupsi yang berlaku secara meluas tidak boleh diterima sebagai cara menjalankan perniagaan. Rasuah dan korupsi menghalang pertumbuhan dan pembangunan ekonomi malah ia juga salah di sisi undang-undang di kebanyakan negara di seluruh dunia. Mana-mana pengarah, pekerja, pegawai, perunding, kontraktor atau ejen pihak ketiga IOIPG yang terlibat dengan rasuah dan korupsi boleh memberi kesan buruk kepada IOIPG dan diri mereka sendiri seperti menjejaskan reputasi, berhadapan pendakwaan, boleh didenda dan dipenjarakan.

IOIPG mempraktikkan *pendekatan tiada toleransi* terhadap segala bentuk rasuah dan korupsi. Seajar dengan itu, pihak kami telah menyediakan Rangka Kerja Antirasuah dan Antikorupsi yang mengandungi gabungan satu bentuk polisi, prosedur dan garis panduan yang standard bagi menangani gejala rasuah dan korupsi dalam IOIPG. Sebarang pelanggaran terhadap polisi, prosedur dan garis panduan ini akan dianggap sebagai satu kesalahan serius dan boleh dikenakan tindakan disiplin, pemecatan atau penamatan kontrak.

Polisi Antirasuah dan Antikorupsi (“**Polisi ABC**”) ini direka untuk membantu anda mengenal pasti potensi berlakunya gejala rasuah dan korupsi iaitu sebagai panduan dalam menentukan perlakuan yang boleh atau tidak boleh diterima, dan untuk memberitahu di mana anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenainya. Dalam mana-mana keadaan yang berkaitan, ia boleh digunakan bersama polisi dan prosedur operasi standard IOIPG yang lain. Jika terdapat sebarang konflik atau ketidakselarasan, peruntukan yang lebih ketat akan digunapakai.

Kami mengharapkan semua pekerja dan rakan perniagaan memahami dengan jelas perkara ini dan bertindak berlandaskan Polisi ABC ini. Walau bagaimanapun pelaksanaan Polisi ABC ini, bukanlah bermakna ia merangkumi semua keadaan yang mungkin berlaku mahupun menyediakan penyelesaian yang tepat bagi semua persoalan berkaitan rasuah dan korupsi.

Jika anda mempunyai kebimbangan terhadap sesuatu yang tidak ditangani secara terus oleh Polisi ABC ini atau anda tidak jelas tentang sebarang kandungan dasar ini, sila hubungi Jawatankuasa Integriti kami (integrity@ioiproperties.com.my). Versi elektronik Polisi ABC ini terdapat di <https://www.ioiproperties.com.my/corporate-governance>.

Terima kasih atas sokongan dan komitmen anda.

Lee Yeow Seng
Kumpulan Ketua Pegawai Eksekutif

2. DEFINISI

Definisi berikut terdapat dalam Polisi ABC:

Akta SPRM	merujuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan
Akta Pindaan SPRM 2018	Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.
anda / awak	merujuk sesiapa sahaja yang Polisi ABC ini terpakai terhadapnya.
bayaran mempermudahkan (facilitation payment)	hendaklah mempunyai takrifan yang selaras dengan yang disediakan oleh <i>Transparency International</i> , bermaksud rasuah kecil juga dipanggil bayaran 'mempermudahkan', 'melajukan' atau 'melincir', yang dibuat untuk menjamin atau mempercepatkan tindakan oleh seseorang yang menjalankan tugas rutinnya atau pentadbiran atau berfungsi sebagai satu bentuk suapan.
hadiah	termasuk wang tunai, bernilai tunai dan bukan tunai tetapi tidak termasuk hadiah korporat seperti pen, mug, pakaian, barang koleksi, bakul hadiah dan hamper, bunga, makanan, beg hospitaliti dll.
IOIPG / kami / kita	merujuk secara kolektif kepada IOI Properties Group Berhad, anak syarikatnya, mana-mana entiti perniagaannya yang secara langsung atau tidak langsung (a) dimiliki sepenuhnya atau majoriti (b) dikawal atau (c) diuruskan oleh IOI Properties Group Berhad.
kesalahan tatatertib	bermaksud sebarang tindakan atau tidak melakukan sesuatu tindakan yang merupakan pelanggaran disiplin dalam IOIPG sebagaimana diperuntukkan oleh undang-undang atau Kod Tatalaku dan Etika Perniagaan IOIPG, polisi dan/atau kontrak pekerjaan, mengikut mana-mana yang berkenaan.
konflik kepentingan	bermakna apabila kepentingan seseorang itu sama ada mempengaruhi, berpotensi mempengaruhi atau dilihat mempengaruhi keputusan mereka.
korupsi	bermaksud 'penyalahgunaan kuasa orang yang diamanahkan untuk mendapatkan manfaat peribadi' seperti yang diperuntukkan oleh <i>Transparency International</i> . Bagi Polisi ABC, korupsi ditakrifkan sebagai sebarang tindakan yang akan dianggap sebagai kesalahan memberi atau menerima 'suapan' di bawah Akta SPRM.
layanan (hospitality)	termasuk manfaat berikut yang boleh diberikan kepada mana-mana individu atau organisasi termasuk ahli keluarga dan Rakan Perniagaan: (a) hiburan (seperti aktiviti bermain golf, tiket ke acara sukan dsb); (b) makan dan minum; dan (c) melancong dan/atau penginapan (sama ada disekalikan atau tidak dengan persidangan, seminar, lawatan sambil belajar atau faedah lain).
Lembaga	merujuk Lembaga Pengarah IOI Properties Group Berhad.

Pegawai Awam	merujuk pegawai atau pekerja bagi; (a) mana-mana kerajaan (termasuk penjawat awam, kerajaan tempatan dan angkatan tentera atau agensi Kerajaan; (b) badan kawal selia, statutori atau pentadbiran statutori atau badan pentadbiran; atau (c) syarikat atau entiti perniagaan yang mana badan kerajaan mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung, mempunyai pengaruh yang dominan, (cth: perusahaan komersial milik kerajaan negeri), sama ada tempatan atau luar negara atau sesiapa sahaja yang menerima imbuhan daripada dana awam.
Pekerja	merujuk mana-mana individu yang diambil bekerja oleh IOIPG sama ada secara tetap, sementara atau kontrak. Pengarah, pegawai dan ahli jawatankuasa IOIPG.
Pemberi Maklumat	merujuk sesiapa sahaja yang membuat laporan tentang salah laku di bawah Polisi ABC.
Pengarah	termasuk semua pengarah bebas dan bukan bebas, pengarah eksekutif dan bukan eksekutif IOIPG dan termasuk juga pengarah gantian atau pengganti.
Rasuah	merujuk tindakan memberi, menjanjikan, menawarkan, mendapat, menerima, atau meminta apa-apa suapan (termasuk pembayaran wang tunai, hadiah, keraian atau apa-apa bentuk dorongan) dengan niat untuk (a) mendapat atau mengekalkan perniagaan untuk IOIPG; (b) mendapat atau mengekalkan manfaat dalam menjalankan perniagaan untuk IOIPG. Ia juga merujuk sebarang kesalahan di bawah Akta SPRM dan undang-undang antirasuah yang berkaitan dalam bidang kuasanya.
Rakan Perniagaan	merujuk kepada kontraktor, perunding, subkontraktor, pembekal, vendor, penasihat, ejen, wakil dan pihak ketiga lain yang melaksanakan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak IOIPG.
sumbangan dan tajaan	merujuk sumbangan amal dan bayaran tajaan yang dibuat untuk menyokong komuniti, organisasi dan/atau individu.

[baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

3. PENGENALAN

3.1 Apakah undang-undang Antirasuah dan Antikorupsi?

Bilangan negara yang menerima pakai undang-undang untuk menghukum mereka yang terlibat dengan rasuah dan korupsi semakin meningkat walaupun ia dilakukan di luar sempadan negara mereka. Di negara di mana IOIPG beroperasi, rasuah dan korupsi adalah kesalahan jenayah dan hukuman dikenakan adalah berat untuk individu terlibat iaitu penjara dan ini boleh menjejaskan reputasi dan jenama IOIPG sehingga sukar untuk dipulihkan. Undang-undang yang berkaitan termasuklah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (disemak semula pada 2018), Kanun Keseksaan Malaysia (disemak semula pada 1977), Akta Syarikat Malaysia 2016, Undang-undang Jenayah Republik Rakyat China dan juga Akta Pencegahan Rasuah dan Kanun Keseksaan Singapura.

Di bawah Akta SPRM, tindakan undang-undang yang boleh dikenakan bagi ketidakpatuhan, termasuklah jumlah denda yang tidak terhad dan/atau penjara sehingga dua puluh (20) tahun. Sesebuah organisasi komersial telah melakukan kesalahan rasuah jika mana-mana pihak yang bersekutu memberi suapan dengan niat untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau mendapat manfaat dalam urusan perniagaan, untuk organisasi komersial itu.

“Suapan” bermaksud:

- (a) duit, derma, hadiah, pinjaman, bayaran, ganjaran, jaminan keselamatan, hartanah, kepentingan dalam hartanah sama ada menjadi harta boleh alih atau tak alih, faedah kewangan atau sebarang manfaat lain yang serupa;
- (b) mana-mana pejabat, maruah, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan dan perjanjian untuk memberi pekerjaan atau perkhidmatan dalam apa jua kapasiti;
- (c) sebarang bayaran, pelepasan, pembebasan, pelepasan atau pencairan pinjaman, tanggungan atau liabiliti lain;
- (d) sesuatu yang berharga dalam apa jua bentuk, sebarang diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau imbuhan;
- (e) sebarang toleransi dalam menuntut wang atau nilai wang atau barangan berharga;
- (f) sebarang perkhidmatan atau pertolongan dalam apa jua bentuk termasuk perlindungan daripada sebarang penalti atau ketidakupayaan atau penahanan daripada sebarang tindakan atau prosiding tatatertib, sivil atau yang berunsur jenayah;
- (g) sebarang tawaran, sumpah atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, terhadap mana-mana suapan daripada perenggan terdahulu (a) hingga (f).

Jika suatu kesalahan dilakukan oleh organisasi komersial, Akta SPRM akan menganggapkan pengarah, pengendali, pegawai, rakan atau seseorang yang terlibat dengan pihak hal ehwal pengurusannya dianggap turut melakukan kesalahan yang sama. Sehubungan dengan Garis Panduan Tatacara Mencukupi seperti yang disarankan oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia, menurut sub-sekysen 5 Seksyen 17A Akta SPRM, sebagaimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 4 Akta Pindaan SPRM 2018, peruntukan-peruntukan Seksyen 17A memastikan prinsip-prinsip liabiliti jenayah (liabiliti korporat) untuk tindakan-tindakan korupsi oleh pekerja-pekerja dan/atau sebarang orang yang berkaitan dengan IOIPG di dalam kes-kes di mana tindakan korupsi tersebut telah dilakukan untuk manfaat atau kelebihan IOIPG.

Ia adalah penting untuk anda memahami bagaimana rasuah dan korupsi mungkin berlaku/dilakukan dan tindakan undang-undang yang boleh dikenakan akibat perbuatan itu dengan mengambil langkah untuk mencegah rasuah dan korupsi daripada berlaku. Polisi ABC ini adalah menjadi panduan kepada semua di IOIPG di dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan korupsi, permintaan yang tidak betul, rasuah dan mana-mana tindakan korupsi dan aktiviti-aktiviti yang mungkin memberi keberkesanan di dalam kegiatan perniagaan yang biasa. Ia adalah tanggungjawab setiap orang yang berkaitan dengan IOIPG untuk mematuhi setulus-tulusnya kepada polisi-polisi serta dasar dan piawaian anti-korupsi IOIPG. Jika

berlakunya sebarang kebingungan atau kekaburan keatas mana-mana polisi serta dasar dan piawaian yang berkaitan dengan Polisi ABC ini, pekerja-pekerja perlu mendapat nasihat dari pihak atasan mereka atau ketua jabatan. Jika kebingungan atau kekaburan masih berlaku, kebimbangan mereka akan diarahkan kepada Group People & Culture atau Kumpulan Ketua Pegawai Eksekutif untuk penjelasan dan tindakan selanjutnya.

3.2 Apakah skop Polisi ABC?

Polisi ABC diguna pakai secara global. Jika anda melancong ke luar Malaysia, anda tertakluk kepada undang-undang negara anda berada, tetapi prinsip Polisi ABC mesti dipatuhi tanpa mengira sama ada negara itu mempunyai undang-undang antirasuah atau antikorupsi yang khusus atau tidak.

Dalam kes di mana terdapat percanggahan antara undang-undang antirasuah dan antikorupsi dan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Polisi ABC, peruntukan yang lebih ketat akan diguna pakai.

3.3 Siapa yang terlibat di bawah Polisi ABC?

Polisi ABC terpakai kepada semua Pekerja dan Rakan Perniagaan.

Syarikat usaha sama yang mana IOIPG adalah sebagai pemegang saham atau rakan perniagaan bukan kawalan, atau syarikat sekutu digalakkan untuk mengguna pakai sedikit sebanyak atau mana-mana prinsip polisi ini yang bersamaan, sebagai sebahagian daripada rangka kerja antirasuah mereka.

3.4 Siapa yang bertanggungjawab terhadap Polisi ABC ini?

Pihak Lembaga Pengarah menerajui usaha antirasuah dan antikorupsi dan bertanggungjawab memastikan Polisi ABC ini mematuhi obligasi undang-undang dan etika IOIPG. Pihak Lembaga Pengarah akan menyediakan kepimpinan, sumber manusia dan sokongan untuk melaksanakan Polisi ABC ini.

Jawatankuasa Integriti mempunyai tanggungjawab utama dan perlu sentiasa melaksana serta mengawasi pelaksanaan Polisi ABC. Jawatankuasa Integriti hendaklah secara berkala melaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko (*Risk Management Committee*) dan Lembaga Pengarah dalam hal yang melibatkan pelaksanaan dan keberkesanan Polisi ABC ini.

Setiap Pekerja dan Rakan Perniagaan bertanggungjawab untuk memahami Polisi ABC ini. Pihak pengurusan di semua peringkat perlu memastikan pihak yang melaporkan kepada mereka dimaklumkan dan memahami Polisi ABC dan diberi latihan yang mencukupi mengenainya. Pekerja kami juga perlu memastikan Polisi ABC ini dimaklumkan dengan jelas kepada Rakan Perniagaan kami.

4. HADIAH DAN LAYANAN

Kenyataan Polisi

IOIPG mengamalkan dasar “tidak menerima hadiah” yang mana para Pekerja dan Rakan Perniagaan kami dilarang daripada memberi dan menerima sebarang bentuk hadiah melainkan yang dibenarkan dalam keadaan tertentu dalam Seksyen 4.2 di bawah.

Semua Pekerja dan Rakan Perniagaan juga dilarang daripada memberi atau menerima sebarang bentuk layanan melainkan yang dibenarkan dalam keadaan tertentu dalam Seksyen 4.3 di bawah.

Larangan memberi dan menerima hadiah dan layanan ini turut melibatkan ahli keluarga dan wakil Pekerja serta Rakan Perniagaan.

4.1 Peraturan Am

IOIPG melarang sama sekali tindakan memberi dan menerima hadiah atau layanan atas alasan yang tidak wajar atau boleh menjejaskan sesuatu keputusan atau kebebasan atau terbuka kepada salah tafsir.

Peraturan asasnya adalah anda tidak boleh memberi atau menerima hadiah atau layanan yang akan membuatkan anda merasa tidak selesa untuk menjelaskannya kepada rakan sekerja, keluarga atau pihak media mengenainya. Dalam kes sebegini anda tidak boleh cuba untuk menyembunyikan hadiah atau layanan tersebut dengan memberi atau menerimanya melalui perantara pihak ketiga.

Jika anda meragui kewajaran menerima hadiah atau layanan itu jangan teragak-agak untuk menolak tawaran tersebut dengan merujuk Polisi ABC dan jika sesuai melaporkan kepada pihak atasan atau pengurus anda, dan Jawatankuasa Integriti.

4.2 Hadiah yang Dibenarkan

- (a) Alat tulis jenama korporat atau hadiah kenangan seperti plak, pen, bingkai gambar dan kalendar, buku peringatan atau barangan lain yang sesuai yang diberi atau diterima sebagai tanda penghargaan.

Sebagai contoh;

- berkaitan dengan peranan sebagai tuan rumah/penganjuran/ atau sebagai penceramah/ahli panel jemputan di acara berkaitan korporat atau industri seperti persidangan, seminar, pameran, pembentangan, ceramah atau acara lain; atau
- sebagai cenderahati, koleksi atau anugerah untuk tetamu hotel kami, pengunjung pusat beli belah, ahli program kesetiaan kami dan pemain golf di padang golf kami.

- (b) Jika hadiah itu ditolak ia dianggap menyinggung perasaan pemberinya atau apabila ia bertentangan dengan etika perniagaan atau tidak praktikal untuk bertindak sedemikian.

- (c) Sempena mana-mana musim perayaan atau majlis tertentu.

Setiap hadiah yang ditawarkan atau diterima menurut perenggan (b) dan (c) yang bernilai lebih daripada RM500 perlu direkodkan dalam Daftar Hadiah (*Gift Register*). Dalam apa jua keadaan para Pekerja kami (atau sesiapa sahaja bagi pihak mereka) tidak boleh menawarkan atau menerima hadiah dalam bentuk wang tunai atau apa jua yang setara dengannya kepada atau daripada mana-mana pihak yang mempunyai urusan perniagaan dengan IOIPG.

4.3 Layanan yang Dibenarkan

Makan dan hiburan sekali sekala seperti minuman atau makanan yang disediakan atau diterima semasa mesyuarat perniagaan atau untuk memupuk hubungan perniagaan yang baik yang dianggap munasabah dalam komuniti perniagaan tempatan. Makanan dan hiburan seumpamanya mestilah dalam sempadan etika yang biasa diamalkan, tidak terlalu mewah atau mahal atau tidak terlalu kerap.

Walaupun terdapat pengecualian di Seksyen 4.2 dan 4.3, Pekerja dan Rakan Perniagaan kami diharap menggunakan pertimbangan yang sewajarnya dalam menangani isu hadiah dan layanan dan bertindak mengikut cara seperti yang dinyatakan di bawah;

- mengekalkan tahap integriti yang tinggi;
- sentiasa mengamalkan pengurusan dan pertimbangan yang betul;
- mengelakkan konflik kepentingan;
- mengelak daripada mengambil kesempatan daripada kedudukan anda atau kuasa yang ada untuk kepentingan peribadi dengan mengorbankan kepentingan IOIPG; dan

- mematuhi undang-undang dan peraturan serta polisi dan prosedur IOIPG.

5. SUMBANGAN DAN TAJAAN

Kenyataan Polisi

IOIPG melarang Pekerja dan Rakan Perniagaan memberi sumbangan kepada parti politik atau ahli politik bagi pihak IOIPG.

IOIPG hanya akan memberi sumbangan amal atau sumbangan dan tajaan pendidikan jika ia mematuhi etika dan sah di sisi undang-undang bertulis.

5.1 Sumbangan Politik

Secara amnya, para Pekerja dan Rakan Perniagaan tidak boleh memberi atau menawarkan derma atau sumbangan politik berbentuk wang kepada mana-mana parti politik atau ahli politik atau terhadap kempen atau inisiatif tertentu bagi pihak IOIPG.

Sebarang permintaan untuk memberi derma atau sumbangan politik mesti diluluskan oleh Lembaga Pengarah terlebih dahulu dan hanya boleh dibuat sekiranya derma atau sumbangan itu dibenarkan oleh undang-undang dan dalam had yang sesuai yang ditetapkan undang-undang.

Kami mengiktiraf hak Pekerja dan Rakan Perniagaan untuk mengambil bahagian sebagai individu dalam bidang politik dan memberi derma atau sumbangan politik. Walau bagaimanapun, anda mestilah menjelaskan bahawa anda tidak mewakili IOIPG dan pandangan serta tindakan itu adalah pandangan peribadi anda. Selain itu, anda perlu memastikan derma atau sumbangan yang dibuat itu adalah mengikut undang-undang dan telah dibuat pertimbangan sewajarnya dalam aspek konflik kepentingan yang wujud antara kapasiti profesional anda dan hubungan peribadi dengan parti politik.

5.2 Derma Amal atau Pendidikan dan Biasiswa

Berdasarkan komitmen IOIPG dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (“CSR”) dan pembangunan mampan, kami menyokong inisiatif CSR sebagai sebahagian daripada sumbangan kepada komuniti dan persekitarannya.

Walaupun bagaimanapun adalah penting semua sumbangan atau derma dan tajaan pendidikan dilakukan mengikut polisi IOIPG. Dalam keadaan ini, para Pekerja dan Rakan Perniagaan diharap menggunakan pertimbangan sewajarnya untuk memberi derma atau penajaan dan bertindak mengikut cara seperti yang dinyatakan di bawah.

- tidak boleh digunakan sebagai saluran untuk memintas, mengabaikan atau mengelak undang-undang, peraturan atau keperluan sesuatu peruntukan. Lebih penting lagi, ia tidak boleh digunakan untuk memudahkan gejala rasuah, korupsi atau aktiviti penggubahan wang haram;
- bukan dengan niat untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan/manfaat untuk IOIPG dalam mempengaruhi atau dilihat boleh mempengaruhi pertimbangan atau keputusan perniagaan, mendapat ganjaran kerana salah laku dalam melaksanakan tanggungjawab atau mendapat layanan istimewa;
- tidak bercanggah dengan undang-undang, peraturan, peruntukan dan dasar sedia ada yang berkenaan;
- diberikan kepada organisasi yang mantap dan sah yang mempunyai struktur organisasi yang memadai untuk menjamin pengurusan dana yang betul; dan

- semakan ketekunan wajar dan konflik kepentingan perlu dilakukan sebelum sumbangan atau penajaan dibuat bagi mengelakkan potensi rasuah/korupsi.

6. BAYARAN MEMPERMUDAHKAN

Kenyataan Polisi

Para Pekerja atau Rakan Perniagaan kami tidak boleh secara langsung atau tidak langsung menawarkan, menjanjikan atau memberikan bayaran mempermudahkan kepada Pegawai Awam atau pihak ketiga atas apa jua alasan atau dalam apa jua bentuk.

6.1 Peraturan Am

Para Pekerja dan Rakan Perniagaan kami tidak boleh menawarkan, menjanjikan, memberi, meminta, mendapat atau menerima apa sahaja yang mungkin akan dianggap sebagai bayaran mempermudahkan kepada atau daripada Pegawai Awam atau pihak ketiga lain. Perkara ini menyalahi undang-undang di bawah Akta SPRM dan termasuk dalam makna “suapan”.

Jika anda mendapat permintaan atau ditawarkan kemudahan pembayaran, anda mestilah melaporkannya kepada Jawatankuasa Integriti dan/atau menggunakan saluran pemberi maklumat IOIPG.

6.2 Pengecualian

Jika dalam keadaan di mana keselamatan anda terancam atau anda dipaksa untuk mempermudahkan bayaran, anda hendaklah segera melaporkan kepada pegawai atasan atau pihak pengurusan, jika bersesuaian, atau kepada Jawatankuasa Integriti. Membuat bayaran pemudah cara dalam keadaan seperti itu adalah satu-satunya pengecualian yang dibenarkan yang mana ia boleh digunakan sebagai pembelaan apabila berhadapan dengan dakwaan rasuah atau korupsi.

7. BERURUSAN DENGAN RAKAN PERNIAGAAN

Kenyataan Polisi

IOIPG berharap Rakan Perniagaan menerima pakai dasar 'tidak menerima hadiah' dan mematuhi Polisi ABC dalam apa keadaan sekalipun apabila menjalankan perniagaan bagi pihak kami.

Kami tidak membenarkan Rakan Perniagaan untuk melaksanakan sebarang aktiviti yang dilarang terhadap Pekerja kami di bawah Polisi ABC ini. Tiada bayaran perlu dibuat melalui atau kepada Rakan Perniagaan jika ia diketahui atau disyaki bahawa kesemuanya atau sebahagian daripada bayaran itu akan digunakan untuk tujuan yang melanggar peruntukan dalam Polisi ABC.

7.1 Panduan

Rakan Perniagaan telah dikenal pasti sebagai fokus utama IOIPG dalam hal berkaitan antirasuah dan antikorupsi kerana mereka dianggap berisiko tinggi dalam pembangunan industri hartanah dan pembinaan.

Sehubungan itu, para Pekerja kami harus berhati-hati apabila berurusan dengan Rakan Perniagaan terutama apabila mereka membantu IOIPG memasarkan atau mempromosi sesuatu projek, mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau berurusan dengan kerajaan atau pegawai kerajaan.

Sebagai contoh, jika Rakan Perniagaan memberi rasuah bagi mengekalkan perniagaan untuk IOIPG, kami boleh dipertanggungjawabkan kerana gagal menghalang rasuah oleh Rakan Perniagaan yang berkhidmat bagi pihak kami.

7.2 Langkah-langkah

Sebelum melibatkan Rakan Perniagaan untuk bertindak bagi pihak IOIPG, usaha perlu dilakukan untuk menilai risiko rasuah dan korupsi jika bekerjasama dengan mereka. Jika wujud risiko, anda mesti mendapatkan nasihat daripada pegawai atasan atau pengurus anda (jika berkaitan) atau Jawatankuasa Integriti sebelum meneruskan dengan kerjasama itu.

Para Pekerja kami juga mesti mematuhi semua prosedur operasi standard IOIPG sebelum melantik mana-mana Rakan Perniagaan. Ini termasuklah memaklumkan mereka tentang Polisi ABC, semua Rakan Perniagaan mesti menyerahkan Ikrar Integriti dalam borang yang ditetapkan oleh IOIPG sebelum pelantikan atau penglibatan mereka. Borang Ikrar Integriti boleh didapati di Lampiran A, Polisi ABC ini.

Rakan Perniagaan perlu diawasi dan dipantau dari semasa ke semasa dari segi patuhan terhadap Polisi ABC. Jika disyaki berlaku pelanggaran, tindakan segera perlu diambil. Kegagalan Rakan Perniagaan untuk mematuhi Polisi ABC ini boleh mengakibatkan penamatan kontrak serta merta dan/atau tuntutan ganti rugi.

8. BERURUSAN DENGAN PEGAWAI AWAM

Kenyataan Polisi

Tiada sesiapa pun boleh melakukan atau cuba untuk mempengaruhi Pegawai Awam bagi pihak IOIPG.

Adalah dilarang sama sekali membuat sebarang pembayaran tidak betul atau rahsia atau pemindahan barang dalam apa-apa nilai (termasuk kemudahan pembayaran) kepada Pegawai Awam secara langsung atau tidak langsung melalui perantara atau pihak ketiga, apabila mengetahui bahawa semua bayaran itu atau pemindahan itu akan diperoleh secara langsung atau tidak langsung kepada Pegawai Awam.

8.1 Panduan

Para Pekerja dan Rakan Perniagaan kami mesti mematuhi semua undang-undang yang berkaitan, bertindak dengan integriti dan melaksanakan standard etika kerja yang tinggi apabila berurusan atau terlibat dengan Pegawai Awam.

Para Pekerja perlu lebih berhati-hati apabila berurusan dengan Pegawai Awam. Ia adalah bertentangan dengan polisi ABC jika membuat pembayaran yang tidak betul atau secara rahsia atau melakukan pemindahan barang dalam apa nilai sekalipun (termasuk kemudahan pembayaran) kepada Pegawai Awam. Ia juga merupakan pelanggaran terhadap Polisi ABC jika anda menggunakan ejen atau pihak ketiga untuk membuat pembayaran tidak betul atau rahsia atau pemindahan barang dalam apa nilai sekalipun (termasuk kemudahan pembayaran) kepada Pegawai Awam bagi pihak IOIPG.

Larangan ini meliputi pemberian hadiah, keraian atau layanan kepada Pegawai Awam atau keluarga/isi rumah mereka sebagai tukaran kepada sebarang faedah, pertolongan, manfaat atau keputusan.

8.2 Langkah-langkah

Jika Pegawai Awam meminta sebarang maklumat, anda mesti sentiasa merujuk kepada pihak atasan atau pengurus atasan, atau Jawatankuasa Integriti sebelum memberi maklum balas terhadap permintaan itu dan memastikan semua maklumat yang disediakan adalah atas niat baik, benar dan tepat.

Jika anda ragu-ragu sama ada sebarang pembayaran itu adalah tidak wajar, rahsia dan/atau merupakan bayaran mempermudah, sila rujuk kepada Jawatankuasa Integriti.

9. KONFLIK KEPENTINGAN

Para Pekerja harus mengelakkan keadaan di mana kepentingan peribadi boleh mengganggu kewajipan atau tugas profesional anda. Anda tidak boleh menggunakan kedudukan anda, waktu kerja rasmi, sumber dan aset IOIPG atau maklumat yang ada untuk keuntungan peribadi atau merugikan IOIPG.

Dalam keadaan di mana berlaku konflik, anda perlu menyatakan perkara itu mengikut Penyata Pendedahan Konflik Kepentingan IOIPG (*Conflict of Interest Disclosure Statement*).

Jika tidak pasti sama ada anda berhadapan konflik kepentingan sebenar, berpotensi atau dilihat berhadapan dengan situasi itu, anda perlu merujuk kepada pegawai atasan atau pengurus anda, atau Jawatankuasa Integriti.

10. GANJARAN PERNIAGAAN, REBAT, KOMISEN ATAU INSENTIF LAIN

Bentuk perniagaan IOIPG mungkin melibatkan penggunaan pelbagai cara promosi dan pemasaran seperti ganjaran perniagaan, rebat, diskaun atau inisiatif lain. Walau bagaimanapun, insentif perniagaan tertentu mungkin bersifat meragukan atau mungkin merupakan rasuah atau dianggap sebagai rasuah atau korupsi dengan niat untuk mendapatkan atau mengekalkan manfaat perniagaan yang tidak wajar.

Walaupun IOIPG tidak menghalang para Pekerja atau Rakan Perniagaan kami daripada memberi atau menerima insentif perniagaan, namun ia hendaklah sejajar dengan prinsip berikut:

- tidak bercanggah dengan undang-undang, peraturan dan polisi yang berkaitan;
- didokumenkan secara rasmi sebagai sebahagian daripada insentif program atau kontrak; dan
- terpakai kepada semua atau penggunaannya adalah berdasarkan parameter perniagaan (i.e. terpakai kepada semua pelanggan atau terpakai kepada semua pelanggan yang melebihi nilai pembelian tertentu).

11. APA TINDAKAN ANDA JIKA ADA PERTANYAAN ATAU KEBIMBANGAN?

11.1 Pertanyaan

Jika anda ada pertanyaan berkaitan Polisi ABC ini atau undang-undang yang berkaitan, sila berhubung dengan Jawatankuasa Integriti.

11.2 Kebimbangan

Jika anda mengesyaki atau percaya Polisi ABC ini telah atau sedang dilanggar, anda bertanggungjawab untuk melaporkan kebimbangan anda melalui saluran pelaporan seperti di bawah.

- (a) Jawatankuasa Audit: whistleblow.ioipg@ioiproperties.com.my
- (b) Jawatankuasa Integriti: integrity@ioiproperties.com.my

- (c) Menulis surat dan hantar ke alamat: IOI Properties Group Berhad, Tingkat 23A, IOI City Tower 2, Lebuhr IRC, IOI Resort City, 62502 Putrajaya, Malaysia (Untuk Perhatian: Jawatankuasa Integriti / Kumpulan Undang-Undang)

11.3 Perlindungan kepada Pemberi Maklumat

Kebimbangan anda akan dipandang serius, dilayan secara sulit dan disiasat segera. Jika dibenarkan oleh undang-undang, kerahsiaan identiti anda akan dilindungi jika itu yang anda mahukan, tetapi anda mungkin dikehendaki memberi kenyataan sebagai bukti sokongan terhadap siasatan.

Anda harus yakin bahawa sebarang tindak balas terhadap pihak yang membuat laporan tidak akan dilayan. Kami akan melindungi sesiapa sahaja yang membuat laporan yang sah. Walau bagaimanapun, sesiapa yang memfailkan laporan yang berniat jahat atau menyusahkan dan jika mereka meneruskan dengan laporan itu, ia boleh dianggap sebagai kesalahan tatatertib.

12. SEMAKAN, PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

12.1 Audit dan Penambahbaikan Berterusan

IOIPG komited dalam melaksanakan antirasuah dan antikorupsi dalam usaha mengekalkan integriti dan memastikan tadbir urus terbaik dalam IOIPG.

Jawatankuasa Integriti akan memantau keberkesanan dan mengkaji semula pelaksanaan Rangka Kerja Antirasuah dan Antikorupsi secara berkala bagi memastikan skop, dasar, prosedur dan kawalannya mencukupi dalam menangani risiko rasuah dan korupsi yang dihadapi oleh IOIPG.

Semakan atau audit yang dijalankan sama ada secara dalaman atau oleh pihak luar hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit (*Audit Committee*) atas dasar keperluan untuk pertimbangan dan pelaksanaan sebarang cadangan.

12.2 Akibat Ketidakpatuhan

IOIPG memandang serius perbuatan rasuah dan korupsi dan akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap Polisi ABC ini:

- (a) Bagi Pekerja, ketidakpatuhan boleh mengakibatkan dikenakan tindakan tatatertib dan/atau penamatan pekerjaan.
- (b) Bagi Rakan Perniagaan, ketidakpatuhan boleh menyebabkan penamatan kontrak dan/atau tuntutan ganti rugi.

IOIPG juga berhak melaporkan sebarang ketidakpatuhan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

13. LATIHAN DAN KOMUNIKASI

IOIPG akan menjalankan latihan yang mencukupi untuk memastikan para Pekerja dimaklumkan tentang Rangka Kerja Antirasuah dan Antikorupsi yang ada dan peranan anda dalam memerangi rasuah dan korupsi.

Latihan dan komunikasi mengenai Polisi ABC kepada para Pekerja boleh diringkaskan seperti berikut:

- (a) Pekerja baru hendaklah mengikuti taklimat dan latihan mengenai Polisi ABC sebagai sebahagian daripada proses orientasi kemasukan.
- (b) Pekerja semasa hendaklah mengenai dan dimaklumkan tentang Polisi ABC ini.
- (c) Semua Pekerja wajib melengkapkan latihan mengenai antirasuah dan antikorupsi yang berkaitan.
- (d) Jika difikirkan perlu, latihan tertentu akan diulang atau kursus ulangkaji dijalankan terhadap mana-mana Pekerja di mana-mana unit/bahagian.

Rakan Perniagaan juga hendaklah dimaklumkan tentang Polisi ABC ini dan diberikan latihan mengikut kesesuaian.

Polisi ABC ini disediakan untuk Pekerja, Rakan Perniagaan dan orang awam dan boleh didapati di laman web rasmi IOIPG dan platform komunikasi dalaman (*intranet*).

14. TANGGUNGJAWAB PEKERJA

Para Pekerja bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi Polisi ABC ini, termasuk yang berikut:

- membiasakan diri dengan keperluan terkandung dalam Polisi ABC dan berkomunikasi dengan orang lain dalam pasukan;
- memastikan pematuhan Polisi ABC dan semua transaksi dan pembayaran yang berkaitan didokumenkan dan dilaporkan dengan betul;
- sentiasa menimbulkan transaksi yang mencurigakan kepada pegawai atau pengurus anda, jika bersesuaian, atau Jawatankuasa Integriti untuk panduan tentang tindakan seterusnya;
- melaporkan dengan segera sebarang pelanggaran atau disyaki berlaku pelanggaran terhadap Polisi ABC melalui saluran yang sesuai;
- menghadiri latihan antirasuah dan korupsi; dan
- jangan menyalahgunakan jawatan anda atau nama IOIPG untuk kepentingan peribadi.

Apabila berurusan dengan Rakan Perniagaan, para Pekerja tidak boleh:

- menyatakan kecenderungan memihak kepada pihak tertentu tanpa mengemukakan penjelasan yang munasabah dan adil mengenainya;
- membuat sebarang percubaan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan secara tidak jujur dengan menawarkan, menjanjikan atau memberikan manfaat;
- menggunakan pengaruh yang tidak sepatutnya untuk mendapatkan faedah daripada Rakan Perniagaan; atau
- secara langsung atau tidak langsung menawarkan atau berjanji, dalam bentuk wang tunai atau barangan, untuk bantuan khusus atau manfaat tidak wajar daripada Rakan Perniagaan.

15. SEMAKAN

Polisi ABC ini boleh dipinda dari semasa ke semasa. Adalah tanggungjawab setiap Pekerja untuk memastikan anda sentiasa mengetahui perkembangan terkini tentang Polisi ABC ini.

[baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

Lampiran A

IKRAR INTEGRITI

Nama Syarikat ("Kami" atau "Rakan Perniagaan")	
Nombor Pendaftaran Syarikat	
Bentuk hubungan perniagaan dengan IOIPG	

1. Kami, termasuk pengarah, pegawai dan pekerja kami dengan ini mengesahkan bahawa kami telah membaca dan memahami sepenuhnya peruntukan Polisi Antirasuah dan Antikorupsi IOIPG ("Polisi ABC") dan dengan ini mengakui IOIPG tidak bertoleransi terhadap segala bentuk rasuah dan korupsi.
2. Kami bersumpah kepada IOIPG bahawa kami tidak akan secara langsung atau tidak langsung memberi, menjanjikan, menawarkan, menerima, mendapatkan atau meminta sebarang bentuk bayaran tidak wajar, faedah kewangan, ganjaran atau sebarang pertimbangan berharga ("Suapan") kepada atau daripada mana-mana pengarah, pekerja, pegawai wakil atau mana-mana pihak berkaitan atau dikawal oleh atau bertindak bagi pihak mereka (termasuk ahli keluarga mereka) di IOIPG sebagai tukaran untuk mendapatkan manfaat perniagaan, maklumat, layanan, faedah tidak wajar atau manfaat atau dorongan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu.
3. Kami bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat berkaitan hubungan urusan perniagaan dengan IOIPG, merujuk sebarang kontrak, surat tawaran, surat lantikan, surat perjanjian, atau sebarang dokumen yang serupa dengannya; dan polisi dan prosedur IOIPG yang relevan.
4. Lanjutan daripada perkara di atas, kami berikrar, komited dan berjanji bahawa:
 - (a) kami akan mematuhi sepenuhnya Polisi ABC dan memaklumkan segera kepada IOIPG jika terdapat pelanggaran dan/atau disyaki melanggar Polisi ABC.
 - (b) kami akan dengan tegasnya mematuhi undang-undang dan peraturan semasa berkaitan antirasuah dan antikorupsi, tidak terhad Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (dan pindaannya) (Akta SPRM) dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pebiaya Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFA) dan akan melaksanakan prosedur yang sepatutnya untuk memenuhi standard dan keperluan sejajar dengan Akta SPRM.
 - (c) jika pada bila-bila masa kami dan/atau mana-mana pengarah, pekerja, pegawai, subkontraktor, ejen atau pihak ketiga lain bertindak untuk atau mewakili kami didapati atau telah didapati melanggar mana-mana akta janji atau pengisytiharan yang ditetapkan di sini dan/atau sedang disiasat kerana rasuah atau korupsi, IOIPG berhak, tanpa menjejaskan sebarang hak atau remedi lain yang IOIPG mungkin ada, menamatkan mana-mana dan/atau semua perjanjian antara IOIPG dan kami berkuatkuasa serta-merta dan tanpa sebarang liabiliti kepada IOIPG. Kami akan menanggung kerugian sepenuhnya dan memastikan IOIPG dan pengarah dan pekerjanya tidak terkesan daripada dan terhadap mana-mana dan semua tuntutan kerugian, liabiliti, ganti rugi, penalti, kos dan perbelanjaan walau apa pun yang timbul daripadanya;
 - (d) Polisi ABC boleh dikemas kini, dipinda atau disemak dari semasa ke semasa untuk memastikan pelaksanaannya memadai dan kami, apabila menerima polisi ABC yang dikemas kini, dipinda atau disemak, hendaklah mematuhi sepenuhnya semua peruntukan didalamnya.

IKRAR INTEGRITI (disambungkan)

5. Kami mengisytiharkan bahawa: *(tanda mana yang berkenaan)*
- ☐ kami tidak mengetahui sebarang situasi konflik kepentingan yang wujud, berpotensi atau dirasakan wujud dengan IOIPG atau pihak berkepentingan lain dalam perniagaan IOIPG.
 - ☐ selain daripada konflik kepentingan yang wujud, berpotensi atau dirasakan wujud yang diisytiharkan dalam Penyata Pendedahan Konflik Kepentingan IOIPG, kami tidak mengetahui sebarang situasi konflik kepentingan wujud, berpotensi atau dirasakan wujud dengan IOIPG atau pihak berkepentingan lain dalam perniagaan IOIPG.

Untuk dan bagi pihak Rakan Perniagaan,

.....
Nama :
Jawatan :
No. K/P / Pasport :
Tarikh :
Cop Syarikat :